

## Imam al-Būṣīrī

MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH  
OTHMAN TALIB  
SALMAH HAJI AHMAD

### ABSTRACT

*This writing explores the biography and contribution of Imam al-Būṣīrī, the author of Burdah. This study discovers that Imam al-Būṣīrī was a great Muslim poet with fertile imagination. He was a man of letters with evergreen characteristics because his original creative work 'Burdah' is still being accepted and held in high esteem by a number of Muslims. His moderate life which went through several Muslim dynasties where he finally embarked on sufism, making his character more visible and his fame widespread in the history of Islamic literature of Sufism.*

### ABSTRAK

*Kajian ini menelusuri riwayat hidup Imam al-Būṣīrī, pengarang Burdah dan sumbangannya. Kajian ini mendapati bahawa Imam al-Būṣīrī merupakan tokoh sasterawan yang bersifat evergreen kerana Burdahnyanya telah diterima oleh sebilangan umat Islam. Kehidupannya yang sederhana melewati beberapa Dinasti Muslim yang akhirnya beliau berkecimpung dalam arena sufi menyerlahkan lagi ketokohnya dalam panggung sejarah sastera sufi Islam.*

### PENGENALAN

Kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ajaran Islam yang mewajibkan penganutnya menuntut ilmu, telah memecahkan tradisi kasta di antara golongan istana dengan rakyat jelata dan telah merapatkan kembali jurang perbezaan mereka. Di samping itu, Islam telah mengangkat martabat bangsa Melayu melalui pemberian bukan sahaja sarwajagat (*worldview*), *lingua franca*, kalendar, peraturan kehidupan, tetapi juga bidang kesenian. Pelbagai kesenian Islam turut diperkenalkan, antaranya seperti seni kraf tangan, seni bela diri, seni bina, seni khat, seni ukir dan sebagainya.

Islam telah mengajar umatnya pelbagai bentuk kesenian yang berpaksikan kepada mengesakan Allah (S.W.T.). Di samping itu, terdapat juga kesenian yang berbentuk memuji Rasulullah (s.a.w.). Pelbagai jenis puisi puji Nabi turut dibawa

ke alam Melayu bersama dengan ajaran Islam. Pemerhatian lapangan telah menemukan bahawa di antara jenis-jenis puisi puji Nabi yang berbentuk *shīʿr* turut diperkenalkan kepada masyarakat Melayu ialah karya kumpulan puisi puji Nabi *al-Barzanjī* yang bernama *Mawlid al-Nabī*, karya al-Juzūlī (m. 870 H) yang bernama *Dalāʿil al-Khayrāt*, karya al-Ghazālī (m. 505 H) yang bernama *al-Munfarījah* dan karya Imam al-Būṣīrī yang bernama *al-Burdah*.

*Al-Burdah* merupakan himpunan puisi yang berbentuk *shīʿr* memuji Rasulullah (s.a.w.) yang dinyanyikan secara individu mahupun beramai-ramai. Pengamalan *Burdah* (puisi pujian Nabi) berlaku secara meluas di Alam Melayu. Namun, masyarakat Melayu hanya mengamalkannya tanpa mengetahui siapakah pengarang *Burdah* ini. Penulisan berikut ini akan menelusuri latar riwayat hidup pengarang *Burdah*, pendidikan, mazhab dan tasawwufnya.

#### LATAR BELAKANG PENGARANG BURDAH

Nama pengarang *Burdah* yang sebenarnya ialah Muḥammad bin Saʿīd bin Ḥammād bin Muḥsin bin ʿAbdullāh bin Ḥayyānī bin Sanḥāj. Beliau dipanggil sempena nama anaknya, iaitu Abū ʿAbdullāh (Bapa kepada ʿAbdullāh) yang kemudiannya lebih dikenali sebagai al-Būṣīrī. Ibunya juga berasal dari Buṣīr dan ayahnya berasal dari Dalās. Ia ialah salah satu daerah yang memiliki banyak wilayah dan kampung yang terletak di pendalaman Mesir. Beliau mengambil gelarnya daripada cantuman tempat asal kedua orang tuanya, iaitu Dalāṣīrī (al-Ṣāfādī 1953 jil. III.: 532 & 105).

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan sarjana tentang nama dan silsilah keturunannya. Di antaranya menurut nukilan Mukḥīmar Sālīh (1986: 67) dari al-Maqrīzī bahawa nama pengarang *Burdah* ialah Muḥammad bin Saʿīd bin Ḥammād bin ʿAbdullāh bin Ḥayyānī al-Ḥabnūnī bin Taḥṣīn bin Sanḥāj. Terdapat penambahan di belakang nama Ḥayyānī, iaitu al-Ḥabnūnī dan perubahan nama Muḥsin kepada Taḥṣīn Nukilan Mukḥīmar lagi (1986: 68) dari al-Maqrīzī bahawa Imam al-Būṣīrī berasal dari daerah Ḥammād yang berketurunan barbar dengan suku Ḥabnūn.

Disepakati oleh para sejarawan bahawa beliau dilahirkan pada hari Selasa di awal bulan Syawal pada tahun 608 H. di desa Būṣīrī atau Abū Si-r, iaitu desa ibunya. Desa tersebut terletak di daerah Bani Suwif, Mesir (Yāqūt al-Ḥamawī, 1990: 603). Imam al-Būṣīrī merupakan seorang yang kurus dan pendek. Rupanya agak tidak terurus menyebabkan masyarakat kurang senang terhadapnya dan menjauhinya. Sebilangan ahli sejarah berpendapat bahawa Imam al-Būṣīrī dan isteri seringkali mendapat penghinaan daripada masyarakat. Hal ini berlaku kerana lidah tajamnya yang suka menegur secara terus-terang sebagaimana halnya sebilangan ahli sufi pada eranya.

Imam al-Būṣīrī dibesarkan dalam keluarga yang miskin. Penderitaan kehidupan ini yang mendorongnya berusaha sungguh-sungguh semenjak kecil

lagi. Beliau mengambil upah menulis batu nisan sehingga dewasa. Beliau berusaha mendekati para pembesar dan menteri untuk memuji mereka untuk memperoleh ganjarannya (Aḥmad Ḥasan Basj 1995: 6).

Di kalangan sarjana mempunyai perbezaan pendapat tentang tarikh Imam al-Būṣīrī meninggal dunia. Hal ini berlaku kerana menurut Fadli' Llāh<sup>10</sup> bahawa Imam al-Būṣīrī mengalami sakit yang lama sehingga koma beberapa kali, malah dianggap sudah meninggal dunia. Ibn Hajar al-Haythami (1307H: 4) berpendapat bahawa Imam al-Būṣīrī meninggal dunia pada 694 H. Manakala al-Suyūṭī (1967 jil I: 570) pula berpendapat bahawa beliau meninggal pada 695 H. Al-Maqrīzī (1938:69) berpendapat bahawa beliau meninggal dunia pada 697 H. Al-Ṣafadī (jil. III. 1903: 113) murid kepada Imam al-Būṣīrī menyebut bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 696 atau 697 H. Imam al-Būṣīrī di maqamkan berdekatan di salah sebuah masjid di Iskandariah.

## PENDIDIKAN

Beliau memperolehi pendidikan tidak formal seperti majlis-majlis ilmu di masjid ketika masih kecil beliau menghafal al-Qur'ān al-Karīm. Kemudian beliau menjadi murid tetap dan istiqamah daripada para guru di masjid yang beliau menimba ilmu darinya. Kecenderungannya kepada kesusasteraan Arab kelihatan terserlah sejak dari awal lagi. Kebolehan dan bakatnya dalam puisi berkembang mekar dalam dirinya, membuatkan dia berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti penulisan puisi Arab. Penggunaan puisi-puisinya sebagai media untuk menyampaikan mesej kepada sesiapa yang ingin ditujunya. Melalui puisi ungkapannya dapat dilihat bahawa beliau alim dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan.

Beliau menerima pendidikan daripada beberapa orang guru yang terkenal, antaranya ialah Abū Ḥayyān dan al-Faṭḥ bin Sayyid al-Annās, al-ʿIzz bin Jamā'ah. Menurut Ibn Hajar al-ʿAsqalānī (1350 H. jil II: 378), ini tidak tepat kerana mereka dikenali sebagai muridnya bukan gurunya kerana mereka lahir kemudian daripadanya. Mereka telah mempelajari segala puisi dan perkara-perkara ghaib yang aneh darinya.

Pengetahuan Imam al-Būṣīrī adalah seperti masyarakat awam pada peringkat awalnya. Pendidikannya tidak formal yang diperoleh dari majlis-majlis ilmu dan halqah-halqah ilmu yang disampaikan di masjid. Susur galur pengetahuan yang diperoleh ialah corak agama seperti al-Qur'ān, Hadīth dan yang berkaitan dengan kedua-duanya seperti ilmu qir't, nahu dan saraf. Imam al-Būṣīrī jelas terus bergantung kepada sumber yang diperolehnya sehingga melewati masa yang lama.

Imam al-Būṣīrī keluar daripada arena kehidupan dengan berbekalkan ilmu tata bahasa Arab seperti puisi Arab, silsilah keturunan Arab dan sejarah. Beliau juga mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam seperti al-Qur'ān dan

tafsirnya, qirā'āt, hadith, muṣṭalah hadīth, fikah, usul fikah, tajwīd dan tasawwuf. Selain itu, beliau menguasai pengetahuan bidang lain seperti falsafah, mantik dan metodologi membuat kesimpulan (aruaḥan). Beliau juga memiliki pengetahuan luas dalam agama-agama silam seperti agama samawi (agama Kristian dan Yahudi). Beliau (al-Būṣīrī 1973: 211) pernah mengungkapkan puisi-puisinya dalam berhujah dengan orang-orang Kristian dan Yahudi. Ungkapan puisinya diambil dari surah Armiya dari kitab Tawrat: “Sebelum Aku menciptakan kamu, Aku telah melindungi kamu. Sebelum Aku membentuk kamu dalam perut. Aku sucikan kamu serta jadikan kamu sebagai nabi kepada semua bangsa.”

Menurut Imam al-Būṣīrī bahawa ini merupakan petanda kelahiran baginda (s.a.w.) yang diutuskan kepada semua bangsa. Beliau seterusnya mengungkapkan kata-kata al-Masih dalam kitab Injil: “Aku tidak diutuskan kepada semua bangsa tetapi kepada kambing-kambing dari keturunan bani Israil sahaja.” Nabi ʿĪsā (a.s.) berkata Ḥawāriyyīn: “Jangan kamu mengikut jalan kesemua bangsa, tetapi hadirilah kepada kambing dari keturunan Israil.”

Manakala pengetahuan beliau tentang agama Yahudi, dapat dilihat melalui puisinya (1973: 192) yang dinukilkan dari kitab Tawrat: “Malaikat berkata kepada Ḥajar: “Aku perbanyakkan anak dengan jumlah yang tidak terhitung. Kamu hamil akan melahirkan seorang anak yang bernama Ismāʿīl. Allah telah mendengar dan mengabulkan munajat kamu. Tangannya (Ismāʿīl) berada atas semua dan tangan semua dihulurkan kepadanya dengan khususy.” Ini juga merupakan hujah petanda awal kelahiran Muḥammad (s.a.w.).

Pengetahuan Imam al-Būṣīrī mengenai kitab-kitab samawi ini bertambah mantap kerana hubungan peribadinya dengan Kristian dan Yahudi sebagai sahabat dan rakan sekerja. Perjalanan hidup dan puisinya mendedahkan bahawa beliau bersahabat dengan ramai orang Kristian dan Yahudi yang selalu berdebat dengannya. Dari itu, beliau semakin berpengalaman dengan perdebatan serta menimba maklumat baru untuk digunakan bagi mencapai matlamatnya. Sebagai contoh bagi perhubungan peribadi ini, beliau (1973: 186) mengulas puisi di atas dengan mengemukakan apa yang tercatat dalam kitab Tawrat tentang Nabi Hārūn telah mengukir anak lembu yang disembah oleh kaumnya dan menyuruh mereka menyembelih korban untuk berhala itu. Mereka perbuat demikian dan menjadikannya satu perayaan. Imam al-Būṣīrī pernah berbicara dengan beberapa orang yang memeluk agama Islam dari kalangan mereka tentang hal ini. Mereka berpendapat peristiwa ini tidak dipertikaikan memang tercatat di dalam Tawrat bahawa barang-barang hiasan yang mereka bawa kepada Nabi Hārūn termasuk sebetuk cincin emas Nabi Yūsuf (a.s.).

Puisi Imam al-Būṣīrī (1973: 167) memperlihatkan penguasaannya terhadap pengetahuan umum sangat luas meliputi pelbagai bidang termasuklah pengetahuannya terhadap para pelopor sains, falsafah, mantik dan perubatan seperti catatannya ketika memuji al-Ṣāhib Shams al-Dīn bin al-Ṣāhib Burhān al-Dīn.

- Tinta yang tampil ke depan untuk menyumbang, Ia terus \* membaca beberapa pelajaran dari pujian ke atasnya.
- Ibn Sīnā dipanggil ketua, kalaulah dia melihat ʿĪsā, \* tentulah dia memanggil dirinya orang bawahan.
- Aku mengira dari ketangkasan dan kepintarannya, \* Dia seperti Bahrām yang setanding dengan menara di segi ketinggiannya.

Shawqī Dayf (1990:361-362) dan al-Maqrīzī (1938) merakamkan bahawa Imam al-Būṣīrī pernah dilantik sebagai kakitangan, iaitu jurutulis kira-kira yang memerlukan kemahiran matematik di pejabat pemerintah Belbīs salah sebuah kota yang terletak di bahagian Timur Mesir. Menurut Ibn Shākir al-Katbī (1950), Imam al-Būṣīrī juga memiliki pengetahuan dalam pentadbiran dan pengurusan kerana pengalaman beliau pernah bekerja di jabatan bahagian timur kerajaan Mesir (1973: 101). Namun, beliau merasa tidak senang dengan sebilangan kakitangan-kakitangan di pejabat bahagian Timur ini yang melakukan penyelewengan. Lalu beliau mengkritik dan mengecam sebagai pengkhianat negara dan pemakan wang rakyat. Keadaan ini menyebabkan beliau tidak berminat untuk terus bekerja dengan mereka dan bergegas pulang ke Kaherah.

Di Kaherah pula, beliau menjadi guru al-Qurʾān kepada golongan kanak-kanak dan kaum belia di Masjid al-Shaykh ʿAbd al-Zāhir. Masjid tersebut merupakan sebuah masjid yang jauh terpencil (kurang terkenal). Pernah berlaku pada suatu ketika bahawa Raja Sālih<sup>1</sup> telah mengeluarkan perintah (ketika baginda memegang tampuk kuasa di Mesir 637-647 H.) supaya diagihkan seribu dinar kepada para penuntut ilmu. Malangnya, penuntut-penuntut masjid al-Shaykh ʿAbd al-Zāhir tidak menerima sumbangan bantuan yang diberikan itu. Sebagai guru al-Qurʾān di masjid tersebut, beliau menulis surat aduan atau rungutan kepada Raja Sālih yang dimulakan dengan puisinya (al-Būṣīrī 1973: 260-261):

- Bukankah baik aku tahu maksud kenapa aku sahaja yang dinafikan \* sedangkan seribu dinar itu milik Tuhan yang Maha Penyayang.
- Agaknya aku tidak layak \* Kerana aku menyatupadukan para qari al-Qurʾān.

#### PEGANGAN MAZHAB

Imam al-Būṣīrī beraqidah sunni dan tidak berpegang dengan mana-mana mazhab fikah. Puisinya tidak memperlihatkan kecenderungannya kepada mana-mana mazhab. Imam al-Būṣīrī dibesarkan dan dididik tanpa taʿaṣṣub kepada mana-mana mazhab kerana inilah beliau tidak kuat berpegang kepada mazhab. Kehidupannya membuktikan bahawa beliau bersikap *flexible* dengan mazhab. Ini boleh dilihat melalui rakaman puisinya (al-Būṣīrī 1973: 272) ketika Sultan melantik empat orang hakim dari pelbagai mazhab.

Beliau menterjemahkan hadith Nabi Muḥammad (s.a.w) sebagai “Perselesihan sebagai satu rahmat.” Beliau dikatakan sering mengunjungi makam

Imam Shāfi'ī<sup>c</sup>2. Dalam puisinya, beliau (al-Būṣīrī 1973: 279) merakamkan pujian terhadap Imam Shāfi'ī:

- Dikubah maqam Imam Shāfi'ī terdapat sebuah bahtera \* Bersauh di atas julmud dari sebuah bangunan kukuh.
- Dikubah maqam Imam Shāfi'ī terdapat sebuah bahtera \* Bersauh di atas julmud dari sebuah bangunan kukuh.

Meskipun beliau menyanjungi dan kagum dengan Imam Shāfi'ī ini tidak bermakna bahawa beliau berpegang kepada mazhab Imam Shāfi'ī. Kekaguman dan sanjungan beliau terhadap Imam Shāfi'ī jelas terlihat dalam puisi di atas. Ini memperlihatkan bahawa beliau cukup menghormati para ulama silam.

#### PANDANGANNYA TERHADAP ISU YANG TIMBUL PADA ERANYA

Imam al-Būṣīrī mempunyai sikap dan pandangan yang jelas dalam puisi terhadap beberapa isu penting yang timbul pada eranya di mana para penyair daripada sebilangan kumpulan Islam berpandangan yang berbeza terhadapnya. Antaranya ialah isu polisi Khulafā' al-Rāshidīn. Sebilangan gerakan Islam telah menyanggah dan mengkritik polisi Khulafā' al-Rāshidīn. Lebih buruk dari itu, para sahabat dan Khulafā' al-Rāshidīn telah dicerca dan dihina oleh sebilangan golongan umat Islam. Manakala Imam al-Būṣīrī (1973: 230-231) mempertahankan Khulafā' al-Rāshidīn, dengan bersikap menyanjung kesemua mereka secara terus-terang melalui puisinya.

- Para sahabat yang berseri-seri lagi budiman, \* seringkali campurtangan di sisi Allah untuk mengubah keadaan.
- Satu kaum yang diuji dengan baik dalam perjuangan, \* dan mereka taat beribadah sepenuhnya kerana takut kepada Tuhan mereka.
- Seolah mereka berada dalam mihrab para malaikat, \* dan berada dalam berperangan yang musuh mereka Rābīl.
- Saya merasa kasih terhadap mereka, \* Minat dan asyik memuji mereka.
- Jika aku menyangka mereka penipu, \* bermakna aku tertipu dengan keangkuhan diri sendiri.
- Pemimpin-pemimpin agama masing-masing berikhtiar, \* untuk menghasilkan ijtihad yang jitu yang diamanahkan kepada mereka.

Kesan kecaman yang dilakukan oleh sebilangan Khalifah Umayyah pada eranya terhadap ahli keluarga Rasulullah (s.a.w.) turut memberi impak pada masyarakat tempat tinggal Imam al-Būṣīrī. Namun, beliau secara tegas membela para *ahl al-bayt* serta memuji kelebihan mereka melalui rakaman puisinya (al-Būṣīrī 1973: 129):

- Bukankah lebih baik memuji dinasti Muh.ammad (s.a.w) \* daripada memuji kijang yang lemah gemalai tengkuknya.

- Yang Maha Agung (Tuhan) tidak reda lagi aku memuji \* jelita dara semenjak aku cenderung memuji engkau (Muh.ammad s.a.w).
- Allah menyatupadukan engkau wahai tuan-tuan kami (dinasti Muh.ammad s.a.w), \* Allah satukan dengan sejahtera dalam nikmat yang abadi.

Di samping itu, beliau turut memperlihatkan tingkahlaku zalim sebilangan khalifah Umayyah terhadap mereka sepertimana dalam puisinya (al-Būṣīrī 1973: 69):

- Dua gelombang angin yang keharumannya datang \* dari engkau (keluarga Nabi) yang disimpan oleh bunga.
- Engkau menempatkan kedua keharuman itu di sisi engkau, \* sebagaimana engkau tambah daripada khat tulisan dua titiknya, iaitu: ba.
- Dari dua yang terkorban syahid yang bayangnya, \* tidak akan dilupakan apa yang berlaku di sana atau di Karbala.
- Hak penjagaan engkau tidak dipelihara oleh golongan bawahan, \* apatah lagi ketua-ketua yang telah khianati perjanjian engkau.
- Mereka menukarkan kasihsayang ikatan keluarga, \* bauan muski itu lahir daripada kijang

Imam al-Būṣīrī turut mengemukakan pandangan terhadap umat Islam yang berbangsa Turki sama ada para menterinya mahupun para pegawai serta masyarakatnya. Beliau memuji tingkahlaku mereka yang gigih melindungi dan menentang musuh negara. Keadaan ini boleh dilihat dalam puisinya (al-Būṣīrī 1973: 136) yang memuji salah seorang menteri bangsa Turki yang bernama Aydmur °Iz al-Dīn (m. 655 H):

- Dia disegani rakyatnya setelah takut kepada Tuhannya, \* seseorang dibalas terhadap apa ia lakukan dan apa ia tinggalkan.
- Dia dipilih oleh raja dunia untuk mengujinya, \* sebagai raja maka ia terpilih dan teruji.
- Dia mentadbir kerajaan dengan cara, \* yang gagal difahami oleh minda manusia.
- Ketika reputasinya bertebangan ke pihak musuh, \* bangsa Perancis dan Tartar mati akibat ketakutan.

Di samping itu, beliau (al-Būṣīrī 1973: 137) mengemukakan puisi memuji bangsa Turki:

- Mereka adalah golongan atasan yang memenuhi janji, \* bukanlah dari golongan yang khianat dan belot.
- Bangsa Turki yang dunia menjadi ceria dengan menyebut mereka, \* merekalah hiasan dunia ketika ada dan tiada.
- Zahir dan batin mereka mengisahkan yang baik, \* mereka sama sahaja ketika berahsia dan berterus-terang.

Imam al-Būṣīrī turut memuji bangsa Arab. Namun, pujian beliau terhadap bangsa Arab tidak sama dengan pujiannya terhadap bangsa Turki. Beliau hanya memuji sekadar dengan memberi gambaran Islam mereka dan hanya mementingkan hal-ehwal pemerintahan yang adil. Beliau juga mengkritik secara

terang-terangan sebilangan bangsa Arab yang selalu menimbulkan masalah dalam masyarakat Islam. Melalui puisi pujian terhadap salah seorang menteri Turki yang bernama Aydmur <sup>c</sup>Iz al-Dīn sekaligus beliau (al-Būṣīrī 1973: 138) menyelar bangsa Arab:

- Kerja-kerjanya semua tulus ikhlas kerana Allah, \* kejemihan nasihatnya tidak berbaur kekeruhan.
- Kaum yang menderhaka terhadapnya seringkali membahayakan mereka diri sendiri, \* Kaum-kaum yang merancang jahat terhadapnya terjerat diri sendiri akhirnya.
- Dia ditentang oleh mereka yang tidak bernasib, \* kesialan, jahat dan malang perangai mereka.
- Mereka biadab kemudian berkata bahawa kami bangsa Arab, \* Akupun berkata: Engkau bukan Arab dan tidak bertamadun.
- Engkau tidak menjaga perjanjian dan perlindungan, \* rumah engkau pula tidak diperbuat dari bulu kambing.
- Yang buruk dari mereka dipandang elok, \* mereka tidak peduli sama ada orang mencemuh atau mereka dimaafkan.
- Di antara kesialan dan keturunan mereka jika mereka bermaki hamun mereka beruntung, \* Di antara kehinaan mereka jika mereka berperang mereka kalah.
- Kerana saya tahu berlembut dengan mereka membuatkan mereka sombong, \* Kaki perosak jika dimuliakan akan menjadi sombong.
- Aku mencegah mereka dengan pelbagai hukuman, \* orang yang zalimpun akan serik dengan hukuman.

#### PEGANGAN TASAWWUF

Para ahli sejarawan lama seperti al-Ṣafadī (1953), Ibn Shākir al-Katbī (1950) dan al-Maqrīzī (1938) tidak pernah merakamkan bahawa Imam al-Būṣīrī telah menjadi murid kepada mana-mana Shaykh atau terlibat dengan halqah tasawwuf yang wujud pada eranya. Namun begitu, mereka mengakui bahawa kesan Burdah membawa keberkatannya secara kesinambungan dan mendalam bagi sesiapa yang mengamalkannya di sepanjang rakaman sejarah. Namun dewasa ini, seorang sejarawan yang bernama Ibn Hajar al-Ḥaythamī (954H) (1307H: 3, 40) telah menyebut Imam al-Būṣīrī sebagai seorang ahli tasawwuf yang arif kerana beliau memperkenalkannya sebagai al-Shaykh al-Imam al-<sup>c</sup>Ārif bi'Llāh al-<sup>c</sup>Āmil, seorang pemurah dan berjiwa seni, fasih dalam tuturkata, seorang sasterawan dan Imam al-Shu<sup>c</sup>arā' (penyair terkemuka). Ini menunjukkan bahawa gelaran yang diberinya memperlihatkan Imam al-Būṣīrī ini ialah seorang yang arif dalam tasawwuf tanpa diberinya maqam yang tertentu. Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1967: 511) pula tidak menyenaraikan Imam al-Būṣīrī sebagai Imam tasawwuf dalam senarai ahli tasawwuf yang melebihi jumlah 91 orang pada era itu. Sebaliknya beliau memasukkan nama Imam al-Būṣīrī ke dalam senarai penyair, memperlihatkan beliau benar-benar mengenalinya.

Kedudukan Imam al-Būṣīrī diiktiraf di kalangan aliran tarekat Shādhiliyyah, kerana beliau dikatakan terlibat dengan tarekat Shādhiliyyah sepertimana yang terdapat di dalam puisinya. Namun, mereka tidak pernah menyebut Imam al-Būṣīrī sebagai murid atau arif atau pemegang apa-apa jua gelaran dalam aliran tasawwuf itu. Ibn ʿAtāiʿLlāh al-Sikandarī (m. 709H) (1974: 333) telah mengarang sebuah kitab tentang perjalanan aliran Shādhiliyyah, silsilah guru, murid, tradisi amalan dan ajarannya. Beliau sering menyebut isu-isu perbincangan dalam majlis perjumpaan Shādhiliyyah. Ketika menyebut seorang murid atau ahli tasawwuf, beliau akan menyifatkannya sebagai al-ʿĀrif atau Shaykh al-ʿĀrif. Namun, nama Imam al-Būṣīrī tidak pernah disebut sebagai murid atau ʿarif. Sementara itu, beliau dikenali sebagai murid ketiga dari Abū ʿAbbās al Mursī<sup>5</sup> (732H) melalui muridnya yang bernama Yāqūt al-ʿArshī. Nama Imam al-Būṣīrī disebut hanya sekali sahaja dalam kitab ini sebagai penyair yang menyampaikan puisi di hadapan Abū ʿAbbās al Mursī (m. 686 H).

Ibn ʿAtāiʿLlāh al-Sikandarī merupakan pengumpul murid-murid tarekat Shādhiliyyah tidak pernah menyenaraikan nama al-Būṣīrī dalam senarai tersebut. Begitu juga dalam kitabnya yang diberi nama *Latāʿif al-Minan* dan *al-Tanwīr* tidak pernah mencatatkan nama Imam al-Būṣīrī sedikitpun.

Ibn ʿAbbād Muḥammad bin Ibrāhīm al-Nafarī (792 H.) (1288H: 5) merupakan salah seorang peminat aliran tarekat Shādhiliyyah yang mengarang kitab yang berjudul: *al-Adhkār al-ʿAliyyah wa al-Asrār al-Shādhiliyyah* juga tidak mencatat nama Imam al-Būṣīrī sebagai pengikut aliran tarekat Shādhiliyyah.

Manakala sarjana kemudiannya mempunyai persepsi yang berbeza terhadap tasawwuf Imam al-Būṣīrī. Shaykh Kawhan al-Fāsī (1347H.: 81) menganggapnya sebagai wakil kepada aliran Shādhiliyyah dengan pelbagai gelarannya seperti al-Imam *al-Rabbānī*, *al-ʿĀrif al-Ṣamadānī*, *al-Ustāz al-Fādil*, *al-Malāz al-Kāmil*, *Shaykh al-Muḥaqqiqīn*, *Dhū al-Maʿārif al-Rabbāniyyah* dan sebagainya. Manakala catatan lain beliau merakamkan “Sehingga Imam al-Būṣīrī dilihat dengan cahaya dan rahsia. Terdapat tanda-tanda kewalian jelas terlihat pada dirinya. Bau badannya harum semerbak sehingga apabila beliau berjalan di lorong-lorong jalan, orang ramai akan datang berbusur-busur untuk mencium tangannya termasuk kanak-kanak. Shaykh Kawhan al-Fāsī dikenali sebagai pengikut tarekat Shādhiliyyah. Inilah sebabnya beliau menggembar-gemburkan sifat Imam al-Būṣīrī secara berlebihan.

Sayyid Aḥmad Ḥusayn al-Daswī (1965: 80) menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Shaykh Kawhan al-Fāsī. Beliau menyebut Imam al-Būṣīrī sebagai murid Abū ʿAbbās al Mursī:

Cukuplah menjadi kebanggaan kepada Abū ʿAbbās al Mursī bahawa mengeluarkan tokoh tasawwuf seperti Imam al-Būṣīrī.

Manakala pandangan yang dikemukakan oleh Muḥammad Sayyid al-Kilānī (1973: 21) berbeza dengan pandangan Shaykh Kawhan al-Fāsī. Beliau

berpendapat bahawa Imam al-Būṣīrī bukan seorang ahli tasawwuf dengan kenyataannya:

Al-Būṣīrī gagal apabila ia cuba menjadi seorang ahli tasawwuf. Beliau seperti orang yang tidak meresapi ajaran Shādhiliyyah.

Para sarjana silam tidak menonjolkan tasawwuf Imam al-Būṣīrī secara langsung dan pasti. Mereka hanya sekadar memperlihatkan martabat yang tertinggi dan keramat sufi yang dicapai oleh Imam al-Būṣīrī. Beliau bermimpi melihat Rasulullah datang membelainya dengan tangannya yang mulia. Keramatnya bukan setakat ini sahaja malah berpanjangan melibatkan masyarakat umat Islam seperti penyakit mata yang dihidap oleh Sa'd al-Dīn al-Fāraqī telah sembuh setelah puisi Burdah Imam al-Būṣīrī diletakkan ke atasnya (al-Ṣafadī 1903: 113). Hal yang sama berlaku pada seorang kanak-kanak yang mengidap penyakit mata yang hampir meragut matanya, telah sembuh setelah puisi Burdah diletakkan ke atasnya. Para ulama silam hanya bergantung kepada fakta tersebut sebagai hujah menunjukkan Imam al-Būṣīrī ini sebagai seorang ahli tasawwuf. Manakala pandangan Muḥammad Sayyid al-Kīlānī (1973: 21) yang memerlukan sedikit perbincangan kerana beliau adalah salah seorang di kalangan pengkaji-pengkaji kemudian yang mengemukakan hujah menunjukkan Imam al-Būṣīrī bukan seorang ahli tasawwuf serta gagal dalam bidang tasawwuf. Beliau berhujah dengan alasan:

Kita mendapati bahawa terdapat unsur-unsur akhlak dalam kehidupan rumahtangganya tidak sesuai dengan akhlak sebagai seorang ahli tasawwuf.

Tetapi hujah ini tidak cukup untuk menentukan persoalan tasawwuf Imam al-Būṣīrī ini dengan hanya semata-mata bergantung pada tingkahlaku di rumahnya. Ini merupakan alasan umum tentang keperbadiannya. Lagipun tingkahlaku ini mungkin ia berlaku pada masa tertentu dalam kehidupannya, khususnya ilmu seperti tasawwuf ini kerana tasawwuf tidak lahir secara sekaligus. Tetapi lahir selepas adanya pelbagai pengalaman kehidupan dan perubahan psikologi dan sosial. Sumber-sumber sejarah sering memaparkan beberapa ahli tasawwuf yang memulakan kehidupan mereka dengan maksiat dan di akhiri dengan kehidupan tasawwuf murni yang mempunyai maqam dan keramat seperti sahabat Abū Ḥanīfah, pengarang bait yang termashyur ini.

Mereka mensia-siakan aku dan pemuda manakah yang mereka sia-siakan, \* Untuk hari peperangan dan membalas dendam.

Muḥammad Sayyid al-Kīlānī mengemukakan alasan bahawa Imam al-Būṣīrī adalah pemimpin sebuah keluarga yang besar. Beliau terpaksa memuji para umara dan menteri yang mungkin di kalangan mereka itu melakukan kezaliman yang harus dikritik. Ini bukanlah di antara sikap ahli tasawwuf yang suka mengampu pemerintah. Memang benar Imam al-Būṣīrī itu mempunyai anak yang ramai seperti yang dalam bait:

Aku hanya mengadu kepadamu keadaan kami, sesungguhnya kami, \* sebuah keluarga yang terlalu ramai.

Tetapi Mukhīmar Ṣāliḥ (1986: 83) menolak pandangan yang dikemukakan oleh Muḥammad Sayyid al-Kīlānī yang menunjukkan Imam al-Būṣīrī memuji para umara dan menteri kerana desakan hidupnya. Para umara dan menteri yang dipuji oleh Imam al-Būṣīrī itu didapati terdiri daripada golongan yang bertakwa dan beramal saleh. Beliau tidak pernah memuji orang yang tidak layak dipuji dan tidak pernah mengampu sesiapa dalam puisinya. Umpamanya, Bahā' al-Dīn bin Hannā<sup>6</sup> seorang menteri yang bersumpah bahawa ia akan hanya mendengar Burdah dalam keadaan berkaki ayam tanpa menutup kepalanya kerana ia terlalu ingin mendengar puisi Burdah bersama ahli keluarganya. Seorang lagi yang dipuji oleh Imam al-Būṣīrī, ialah Ṣāḥib Zayn al-Dīn Ya'qūb bin Zubayr<sup>7</sup> merupakan seorang menteri yang murni dan baik. Imam al-Būṣīrī mengakui bahawa Zayn al-Dīn ialah di antara manusia yang mencadangkan kepadanya beberapa puisi untuk memuji Rasulullah (s.a.w). Ini memperlihatkan ketakwaan dan kesalihan Zayn al-Dīn. Bukti lain bahawa pujian terhadap beberapa umara dan menteri juga tidak bertentangan dengan aliran tasawwuf kerana Imam al-Būṣīrī memperkenalkan mereka dengan bentuk pujian yang sangat warak dan takwa. Ini memperlihatkan nilai-nilai yang dijelmakan oleh Imam al-Būṣīrī dalam dirinya serta dijadikan sebagai pengukur bagi keperibadian sasaran pujiannya itu. Beliau bermaksud pujian ini supaya masyarakat berbaik sangka terhadap pemimpin setelah mereka mengenali sifat-sifat pemimpin mereka. Dalam hal ini, Imam al-Būṣīrī menumpu kepada kerja-kerja amal dan kebajikan, menyebarkan ketenteraman dan mencapai keadilan. Pandangan ini diperkukuhkan dengan satu contoh puisi tetapi bukan mengenai Bahā' al-Dīn bin Hannā atau Zayn al-Dīn bin Ya'qūb yang diketahui ketakwaan mereka. Tetapi contoh ini mengenai Raja Manṣūr Qalāwwūn<sup>8</sup>, di mana Imam al-Būṣīrī (1973: 149) memuji keperibadiannya:

- Dia tidak menghukum dengan zalim cumanya dia, \* berlaku zalim terhadap golongan zalim yang kecewa.
- Janganlah engkau melihat perkerja kerana harta, \* sesungguhnya baginda amat prihatin terhadap bait al-Mal.
- Dengan keadilan penjenayah di dera, \* begitu lama sementara usia pengkhianat menjadi pendek.
- Dia mengisahkan ganjaran dalam buku catatan mukmin, \* yang besar dan yang kecil di dalam catatan itu mengembirakan.

Bentuk pujian yang lebih ceria daripada gambaran kenyataan sebenarnya. Imam al-Būṣīrī tidak tersasar dalam pemerihalan ini kerana Raja Manṣūr ini dikenali suka kepada kerja-kerja kebajikan, amal dan pembangunan. Bagindalah yang membina hospital bahagia untuk merawat pesakit gila dan juga madrasah al-Ḥadīth pada tahun 684 H.

Contoh puisi lain yang memperlihatkan sifat-sifat yang dirakamkan oleh Imam al-Būṣīrī kepada sasaran pujiannya. Ketika memuji Shams al-Dīn bin al-Ṣāhib Burhān al-Dīn (682H.). Beliau (1973: 168-169) merakamkan puisinya:

- Kemurahan baginda membuatkan si miskin kaya dan mengenyangkan, \* orang yang berputus asa dari kebaikan zaman.
- Seorang pendita yang tampil menyumbang lalu terus, \* membaca pelajaran-pelajaran dari pujian ke atasnya.
- Dengan engkau menutup aurat, makhluk, \* dengan doa yang mustajab telah melepaskan kepala-kepala.
- Dari tengkok yang diikat kepada malapetaka, \* yang tengkoknya dilepaskan daripadanya.
- Engkau memadam api permusuhan selepas, \* engkau memijak mereka yang membakar api perperangan.

Pada keseluruhannya perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa Imam al-Būṣīrī tidak terlibat dengan tasawwuf pada awal era kehidupannya, tidak sama seperti ahli-ahli tasawwuf lain yang prihatin terhadap halqah-halqah tasawwuf serta bertemu dengan para mursyidnya. Tetapi Imam al-Būṣīrī memiliki unsur-unsur kewarakan dan ketaqwaan serta mempunyai psikologi yang berpotensi untuk menjadi seorang sufi. Sebenarnya beliau berpotensi untuk cenderung kepada ajaran tasawwuf. Beliau tidak pernah berdiamkan diri terhadap kezaliman, malah mendedahkan kezaliman dan pelakunya. Beliau tidak pernah mengampu ataupun takut terhadap cemuhan masyarakat terhadap dirinya. Beliau menentang penipuan tanpa mengira sesiapa pelakunya. Semangat menentang kezaliman dan korupsi termasuk antara ciri-ciri ajaran tasawwuf. Malah beliau memiliki semangat tasawwuf kerana ahli sufi sahaja yang menganggap korupsi dan kezaliman sebagai satu manifestasi sumbang di dalam masyarakat dan satu fenomena penyakit dalam alam yang diciptakan Allah (S.W.T) yang perlu dicegah. Ahli sufi telah memikul tanggungjawab memberi peringatan kepada para umarak serta menasihati mereka. Mereka menganggap diri mereka bertanggungjawab untuk memberi peringatan kepada para pemerintah. Hal ini telah dirakamkan melalui salah sebuah puisi Imam al-Būṣīrī (1973: 262) dengan merujuk kepada korupsi dan sikap acuh tidak acuh para umarak:

- Lihatlah betul-betul tentang hal jabatan-jabatan, \* semua mereka telah mengubah kedudukan undang-undang.
- Tiada lagi yang tinggal seperti yang engkau termaklum, \* melainkan perubahan dari yang tinggi kepada yang rendah.
- Para pegawai bukanlah orang budiman, \* tiada seorangpun dari mereka yang boleh diamanahkan menjaga harta.
- Semua mereka berkhidmat untuk mengumpul kekayaan, \* bukan baru sekarang kita mendengar hal ini.
- Mereka mendapat jawatan di dunia ini, \* gila jawatan telah mengeluarkan mereka dalam hal dunia dan agama.

Imam al-Būṣīrī yang tidak suka fenomena korupsi itu kerana beliau telah merasai kehidupan krisis ekonomi dan sering hidup dalam keadaan kelaparan. Namun beliau tidak melakukan kezaliman (penipuan) untuk kehidupan yang selesa bagi dirinya seperti halnya sebilangan orang lain. Tetapi beliau menanggung kesusahan tersebut untuk menyuburkan benih yang terpendam bagi menghasilkan seorang sufi yang berkualiti. Keprihatinan dan perasaan cemburu beliau ini tidak hanya setakat ruanglingkup kerunsingan dirinya dan tuntutan-tuntutan peribadi sahaja. Malah ruanglingkup itu berleluasa sehingga menjadi ruang lebih luas, iaitu masyarakat umumnya di tanahair sendiri, Mesir. Beliau (1973: 268) mengkritik para hakim dan para fuqaha seperti dalam puisi berikut:

- Semua mereka penipu harta rakyat, \* dan harta para pemerintah mereka.
- Para hakim menipu masing-masing mengkhianati, \* setiap amanah yang mereka panggil pemegang amanah.
- Ahli Fatwa sering menukar keadilan menjadi kezaliman, \* dan menukarkan kebatilan menjadi kebenaran yang nyata.
- Aku tidak bimbang terhadap harta Mesir, \* selain dari kumpulan yang memutar-belit.

Manakala pandangan yang mencatatkan bahawa lapisan ahli sufi pada era tersebut mengenakan pendapat mereka ke atas orang ramai dan hidup dengan mengemis masyarakat, Imam al-Būṣīrī bercadang mengikut jejak langkah mereka tetapi beliau tidak pandai teknik yang membolehkan ahli sufi meraih keuntungan di atas kesengsaraan orang lain. Pendapat lain mengenai beliau suka hidup selesa tanpa sebarang pekerjaan adalah tidak benar. Ini adalah disebabkan dua faktor:

1. Beliau menegaskan dalam puisi yang beliau terlalu kepingin kehidupan tasawwuf dan zuhud. Hasrat untuk menjadi seorang murid bergelora di dalam sanubari hatinya. Tetapi kerenah anak-anak dan sumber pendapatan yang tidak menentu, menghalangnya daripada mencapai cita-cita melalui rakaman puisinya (1973: 133):
  - Jika aku seorang diri tentulah aku menjadi murid, \* sebuah sekolah pondok atau abid dalam gua.
2. Aliran Shādhiliyyah yang disertai oleh Imam al-Būṣīrī yang beliau dikenali sebagai seorang tokohnya tidak menggalakkan berhenti berkerja dan berusaha, malah disebaliknya. Di sini dikemukakan padangan Ibn ʿAtāi' Līlāh al-Sikandarī (1974: 189) melalui lidah gurunya Abū ʿAbbās al Mursī, Shaykh Shādhiliyyah selepas meninggalnya Abū al-Ḥasan Shādhili (m. 656 H):

Sekiranya Kami bersahabat dengan ahli perniagaan kami tidak akan menyatakan kepadanya untuk tinggalkan perniagaan dan datanglah ataupun kami tidak menyuruh meninggalkan profesi yang diceburi oleh ahli profesional itu. Kami juga tidak

menyuruh para penuntut ilmu meninggalkan ilmunya. Tetapi kami memperakukan seseorang itu dalam kerja yang ditentukan oleh Allah kepadanya. Rezeki yang ditentukan oleh Allah tetap akan sampai.

Aḥmad Tawfīq °Abd (1970: 296) berpendapat bahawa pengasas tarekat Shādhiliyyah menggalakkan ahlinya berusaha dan bekerja. Dari bukti yang lalu dapat di perhatikan bahawa pembinaan psikologi Imam al-Būṣīrī telah melayakkan dirinya untuk bertasawwuf. Jika diteliti permulaan sebenar tasawwufnya, dapat dikira dari hari ketika ia menghubungi guru Shādhiliyyah yang berpusat di Iskandariah. Pengasas Shādhiliyyah ialah Abū al-Ḥasan Shādhili, kemudian Abū °Abbās al Mursī sehinggalah sampai kepada perhubungan yang sebenar. Pada masa yang sama ia membayangkan bahawa Imam al-Būṣīrī mempunyai pengetahuan awal tentang asas tasawwuf. Hal ini jelas terlihat melalui serangkap puisinya(1973: 278):

- Manakala kasih ia mencurah jiwa, \* berhiburlah dengan kesusahan waihi ruhku.
- Pencinta mencurahkan airmatanya kepada yang tersayang, \* Ia merahsiakan isi hatinya kepada kepanasan cinta pertama.
- Ia membenarkan jarang sekali orang yang tidak berdiri sepertinya, \* seseorang tidak memanfaatkannya dengan hanya duduk.
- Semuga Tuhan menerima taqqrubku dengan memuji-Nya, \* dan tawajjuhku ke hadrat-Nya yang yang terkawal.
- Aku bergerak menuju ke arah-Nya aku gagal bergerak, \* aku dibolehkan melihat-Nya tanpa berputus asa.
- Muliannya hari Rabu, hari menziarahi-Mu, \* Hari itu bagiku laksana seribu khamis.
- Semua hubungan orang yang bahagia itu bahagia, \* Ia menepati mengandakan sesuatu kepada tiga dan enam.

Sekalipun bait-bait tersebut tidak menampilkan beliau sebagai seorang ahli tasawwuf yang mendalam tentang tradisi tasawwuf. Namun, puisi dalam memuji Abū °Abbās al Mursī dan ucapan takziah terhadap pemergian Abū al-Ḥasan Shādhili telah memperlihatkan penguasaan Imam al-Būṣīrī terhadap ajaran dan disiplin Shādhiliyyah. Mengenai keperibadian Abū al-Ḥasan Shādhili turut dirakamkan oleh Imam al-Būṣīrī melalui puisinya(1973: 121):

- Wahai pewaris secara fardhu akan ilmu Nabinya, \* sebagai penghormatan dan asobah tanpa dikurangkan.
- Pada hari ini aku memuji orang yang mewaris aku, \* aku memuji tuahku terhadap orang yang mewarisinya.
- Imam dikaitkan dengan Imam serta dicontohi, \* Yang dicontohi petunjuknya memiliki kelebihan pengikutnya.

Pengetahuan sufi beliau diperkukuhkan lagi dalam kenyataan puisinya (1973: 124) tentang Abū °Abbās al Mursī:

- Demi bapamu, tiada siapapun yang menyimpan, \* sifat-sifat ketinggian seperti menghimpun ribuan yang tidak terbilang dengan jari.

- Kecualilah Abu-<sup>°</sup>Abba-s satu-satu manusia zamannya, \* mulianya ia pada zamannya sebagai insan tunggal.
- Dia difanakan dalam tawhid oleh cita-cita yang agung, \* yang tujuan-tujuannya lebih kuat dari yang kuat.
- Ramai orang melancung di padang Sahara tetapi ia, \* melancung di malakut Allah tanpa lena.
- Ia mempunyai rahsia di alam tinggi terdapat kandang unta, \* yang kandang unta dan penunggangnya tidak ditambah.
- Orang yang istiqamah itu saudara keramat kepada beliau, \* bukan semua orang yang menunggangi unta hitam itu hitam.

Puisi ini menunjukkan kematangan tasawwuf Imam al-Būṣīrī. Beliau berbicara tentang tarekat Shādhiliyyah seolah-olah beliau adalah salah seorang muridnya dengan menyanjung tinggi para gurunya serta mempamerkan ajaran-ajarannya. Setelah penghayatan tasawwufnya mencapai tahap kemajuan, kematangannya semakin menyerlah, iaitu kesedaran dalam puisi-puisinya yang digunakan untuk memuji orang yang bukan dari golongan ahli tasawwuf turut diwarnai oleh susur galur corak tasawwuf. Dengan itu, Imam al-Būṣīrī turut memuji golongan bukan tasawwuf dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh guru tasawwuf, golongan arif dan murid. Untuk menjelaskan hal ini dikemukakan dua contoh:

1. Ketika sebelum mendalami tasawwuf, Imam al-Būṣīrī memuji salah seorang yang bukan ahli tasawwuf.
2. Ketika setelah mendalami tasawwuf, beliau memuji seorang yang lain yang juga bukan ahli tasawwuf.

Contoh pertama ketika beliau(1973: 96); memuji Fakhr al-Dīn <sup>°</sup>Uthmān melalui puisinya:

- Keharuman angin Timur bertiup ke atas bunga tanah tinggi, \* setiap tempat darinya bertukar menjadi harum.
- Ataupun hari berangin menghadiahkan tudungnya kepada angin, \* pendedahan tudung membuatkan alam kemabukan dan harum.
- Tidakkah engkau melihatku perandai kebudak-budakan telah mengoncang pakaianku, \* keindahan angin Timur yang menarik kembali semula kepadaku.
- Siapakah yang akan memberitahuku apakah kegembiraan yang menjalar, \* ia pasti mempunyai berita.
- Mereka pun berkata semuga Allah mengembalikan kebanggaan umat manusia, \* sebagai wali yang tersayang kepada setiap hati.
- Aku berkata: Adakah Fakhr al-Dīn <sup>°</sup>Uthmān? Dia menjawab, \* Ya katakanlah kepadanya selamat datang dipersilakan.
- Makhluks berkata: Pemurahnya engkau, \* dari rahmat Allah kami disirami dengan kedatangannya.
- Baginda melimpah kurnia kepada mereka, yang takut diamankan, \* yang teraniaya dibela dan tanah gersang disuburkan.

- Bumi mengambil darinya hiasan, \* berkembang biak dari bunga seperti hiasan dan emas.
- Cerianya dunia dan cerianya penghuninya, \* dengan sebab hari dilahirkan wajah °Uthmān.

Tidak terdapat sifat-sifat tersebut pada orang yang kedua yang dipujinya di mana beliau (1973: 128) memuji al-Muqir al-°Ālī al-Sāhibī al-Zaynī (704H.). Adalah penting memerhati tahun kematian mereka berdua. Puisinya:

- Ilmunya mengekalkan namanya yang abadi, \* Tiada siapa di dunia ini yang diabadikan sepertinya.
- Dengan kewujudannya segala harapannya dihabisi, \* Ia telah memilih apa yang tidak kehabisan di sisi Allah.
- Dia diminati dunia tetapi dia memilih akhirat, \* kerana kecintaan, dia tinggalkan dunia kerana ingin berzuhud.
- Dunianya didatangi kesenangan, oleh kerana, \* hinaannya dunia itu seseolah ia tidak wujud dalam dirinya.
- Jika engkau melihat destinasiya, \* di dunia ini ia memperlihatkan kepada engkau hakikat seorang yang membulatkan diri.
- Ia merahsiakan dari taqwa isi hatinya, \* ia bermalam tanpa lena di atas ranjang yang kasar.
- Ia memejamkan dengan airmata, \* matanya yang berlinang dan bercelak dengan batu celak kegelapan.
- Dia memohon dicurahkan berkat dari doa-doanya, \* di mana awan singgah ke tapak tangannya yang berembun.
- Dengarlah kepada al-Qur`ān yang diwahyukan yang, \* memilukan segala hati sekalipun ia sekeras batu pejal.

Di sini jelas menunjukkan bahawa Imam al-Būšīrī memulakan kerjayanya dengan berbekalkan psikologi yang cenderung kepada tasawwuf. Setelah itu, baru beliau menyertai Shādhiliyyah tetapi bukan pada tahap awalnya. Pada waktu yang sama, Muḥammad Zaghlūl Sālim (1971: 273) berpendapat bahawa Imam al-Būšīrī menerima tasawwuf pada akhir hayatnya. Pertemuannya dengan Abū al-Ḥasan Shādhili dan Abū °Abbās al Mursī mesti berlaku sebelum beliau merakam puisi yang lalu mengenai mereka. Jika tidak bagaimanakah beliau dapat menyifatkan kedua-dua mereka dengan sifat-sifat tersebut tanpa ada dasar ajaran tasawwuf? Puisi beliau yang lalu merakamkan takziah kepada Abū °Abbās al Mursī atas pemergian Abū al-Ḥasan Shādhili. Abū al-Ḥasan Shādhili meninggal dunia pada tahun 656 H. Imam al-Būšīrī nampaknya tidak mewarisi aliran tarekat Shādhiliyyah kerana beberapa rakan yang sama-sama menjadi murid telah mencapai lebih kecemerlangan daripadanya. Ini jelas pada diri °Atāi' Llāh al-Sikandarī yang terkenal dengan karyanya al-Ḥikam. Zakī Mubārak (1967: 175-176) menimbulkan satu persoalan penting jika ia tepat akan meruntuhkan kesemua tasawwuf Imam al-Būšīrī. Beliau merakamkan bait-bait puisi Imam al-Būšīrī yang seolah-olah bergurau senda, iaitu kenyataan bait mengenai hamba perempuan yang digodanya lalu hamba perempuan itu mengutuknya (1973: 276):

- Aku berasmara tetapi uban menghalanginya, \* perandai kebudak-budakan selepas beruban suatu kejanggalan.
- Diri enggan mematuhi dia (perempuan)pun berkata, \* cintaku tidak termasuk yang gila.
- Masakan aku boleh menentang nafsu sedang tanah hatiku, \* diadun dengan nafsu sebelum adam lagi.
- Aku tidak dapat lena disebabkan sebutir telur, \* yang comel yang tertutup bak mutiara yang tersimpan.
- Aku merasakannya satu kucupan yang mengembirakan hati, \* dia (perempuan) pun berkata: Begitulah aku merasa sedih.
- Aku berkata engkau mesti ikut ku ke rumah, \* Dia (perempuan)pun berkata: Baiklah aku jadi gila.
- Aku tidak sudi aku disentuh tangan si tua, \* Masakan aku merelai sentuhan yang mengaibkan.
- Aku pun berkata: Aku seorang yang berharta, \* Dia berkata: Bersediakah engkau untuk berlawan dengan Qārūn.

Bait-bait puisi tersebut menyebut peristiwa itu berlaku kepada seorang tua supaya disangka bahawa Imam al-Būṣīrī juga merakamkannya pada tahap awal dari kehidupannya. Apa yang lebih dari itu, bait ini mendedahkan orang tua (Imam al-Būṣīrī) ini mempunyai banyak harta.

Aku telah berkata: “Sesungguhnya Aku mempunyai harta yang banyak”. \* Maka dia berkata: Bersediakah engkau berlawan dengan Qarun”.

Di manakah harta dan kemewahan dari kesempitan hidup dan kecek yang kosong yang dideritai oleh Imam al-Būṣīrī di sepanjang hayatnya? Ini menegaskan bahawa bait-bait tersebut mengisahkan keadaan orang lain bukan Imam al-Būṣīrī. Di sini, Ibn Shākir al-Katbī (1950: 414) mengutarakan satu maklumat yang amat penting yang memutuskan bahawa bait-bait tersebut tidak mengungkapkan diri Imam al-Būṣīrī malah sebaliknya beliau mengemukakan puisi yang berbunyi.

- Mereka menamakannya ‘Umar kami tersalah membaca namanya Ghamar, \* zaman menyatakan di mana salahnya.
- Huruf ain menjadi ghain dengan titiknya, \* tersalah membaca sekian lama dihilangkan dengan titik.

Ibn Shākir (ibid.) selanjutnya merakamkan puisi seterusnya:

Aku bercinta tetapi uban telah menghalang \* dan cinta setelah beruban adalah jelek.

Hanya Ibn Shākir al-Katbī yang mengemukakan bait-bait puisi tersebut. Seorang pentahkik antologi Imam al-Būṣīrī tidak menurunkan kenyataan Ibn Shākir seperti itu. Ia hanya sekadar mengemukakan puisinya yang mengelirukan.

Manakala Mahmud Rizq Sālim (1965: 337) tidak menafikan peristiwa tersebut berlaku pada Imam al-Būṣīrī. Beliau mengesahkan bahawa puisi itu milik Imam al-Būṣīrī dengan memberi justifikasi terhadap puisi tersebut, iaitu melatih imajinasi dirinya. Tetapi manakah latihan imajinasi dalam puisi

begitu remeh yang tidak mencapai tahap kesenian? Lagipun menafikan peristiwa itu dan megesahkan puisi tidak menghilangkan tohmahan terhadap tasawwuf Imam al-Būṣīrī khususnya dalam usia yang lanjut. Ini diperkirakan pandangan yang lebih tepat. Manakala mengenai keramat Imam al-Būṣīrī disebut keramat yang terpenting ketika berbicara tentang puisi Burdah. Beberapa sumber sejarah menyebut keramat dari jenis lain yang diperoleh oleh Imam al-Būṣīrī pada tahap akhir yang lebih tepat pada tahun 689 H.

Ibn Iyās (1311H: 124) dan al-Maqrīzī (1938: 1766) dalam peristiwa-peristiwa tahun 690 H mengemukakan satu kisah di mana umat Islam di ketuai oleh Raja Ashraf Khalīl<sup>9</sup> telah keluar untuk mengepung °Akkā (sebuah bandar di Palestin hari ini). Imam al-Būṣīrī bermimpi seolah-olah ada orang membisikkan puisi kepadanya tentang panglima itu datang untuk mengepung °Akkā pada tahun 680 H:

- Umat Islam telah mengambil °Akkā, \* mereka memukul golongan kafir bertubi-tubi.
- Sultan kami mengheret kepada mereka, \* pasukan kuda yang memecah gunung.
- Bangsa Turki bersumpah semenjak mereka berangkat, \* mereka tidak akan membiarkan Perancis berkuasa.

Beliau pun memaklumkan kepada orang ramai. Kemudian Raja al-Ashraf bergerak bersama dengan sekumpulan tenteranya menuju ke °Akkā dan akhirnya beliau berjaya menaklukinya. Keadaan ini menjadi kenyataan samalah seperti bisikan puisi dalam mimpinya.

#### ANTOLOGI *DIWAN AL-BŪSĪRĪ*

Imam al-Būṣīrī tidak memiliki sebarang karya. Namun, beliau banyak menggunakan puisinya sebagai media untuk menyampaikan mesej dakwah pada masyarakat Islam pada eranya. Puisi-puisi beliau memperlihatkan bahawa kealiman dirinya dalam pelbagai bidang disiplin ilmu pengetahuan. Puisi-puisi yang diungkapkannya telah di kumpulkan menjadi sebuah antologi yang dikenali sebagai *Dīwān al-Būṣīrī* yang kemudiannya di tahkik oleh Muḥammad Sayyid Kīlānī (1973) yang telah dicetak ulang sebanyak dua kali berturut-turut oleh penerbit Mustafā Bābī al-Halabī, Kaherah, Mesir. Pentahkikan juga dilakukan oleh Aḥmad Ḥassan Basj terhadap *Dīwān al-Būṣīrī* yang telah dicetak Dār al-Kutub di Beirut pada tahun 1995.

#### KESIMPULAN

Imam al-Būṣīrī merupakan tokoh sasterawan masyarakat yang menghafal al-Qurʾān ketika masih kecil. Beliau hidup dalam keadaan miskin menyebabkan beliau berusaha sungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu pekerjaan.

Walaupun beliau memperoleh pendidikan tidak formal dari masjid, namun beliau kelihatan cukup alim dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Hal ini jelas terlihat melalui puisi-puisi yang diungkap olehnya. Kesenian yang ada dalam dirinya telah dimanfaatkan sebaik-baiknya sebagai senjata dakwah untuk menyampaikan mesej kepada pelbagai lapisan masyarakat manusia. Beliau dikatakan hidup di era yang ada banyak dinasti Islam, di antaranya ialah dinasti Abbāsiyyah, dinasti Ayyūbiyyah dan dinasti Mamlūkiyyah. Pada era tersebut terdapat ramai ahli sastera yang mengungkapkan puisi-puisi dalam pelbagai bidang. Namun, beliau lebih terserlah dengan puisi pujian Nabi yang dikenali sebagai Burdah.

Perjuangan Imam al-Būṣīrī sebagai seorang zahid yang sangat ikhlas dalam kegiatan dakwahnya dianggap berjaya kerana kesemua puisi-puisi beliau telah dikumpulkan dalam antologi yang diberi nama *Dīwān al-Būṣīrī*. Diwan tersebut telah dikaji oleh para sarjana sama ada dari Timur mahupun Barat sepanjang zaman sampai ke hari ini.

Umat Islam di kebanyakan pelusuk dunia telah menjadikannya sebagai wadah dalam amalan yang membawa berkat dan kesenian hiburan. Hal ini berlaku di dalam masyarakat Melayu Islam di Nusantara ini. Mereka akan menyanyikan Burdah secara beramai-ramai ketika berada di majlis-majlis mawlid Nabi, memohon hajat, kesyukuran dan kelahiran. Di samping itu, ada sebilangan mereka menyanyikannya sebagai hiburan bagi mengisi kekosongan di samping memperingati Rasulullah (s.a.w.). Sebilangan yang lain pula mengamalkannya untuk tujuan pelbagai manfaat dan hajat supaya ia dapat dimakbulkan melalui tawassul pujian terhadap baginda Rasulullah (s.a.w.).

#### RUJUKAN

- Aḥmad Ḥasan Basj. 1995. *Dīwān al-Būṣīrī*. Beirut: Dār al-Kutub.
- Al-Būṣīrī. 1973. *Dīwān al-Būṣīrī*. Ditahkik oleh Muḥammad Sayyid Kīlānī. Cet II. Kaherah: Muṣṭafā Babī al-Ḥalabī.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. 1967. *Husn al-Muḥāḍarah fī Akhbr Miṣr wa al-Qāherah*. Ditahkik oleh Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Cet I. al-Qāhirah: Dār Ihyā' al-Kutub al-<sup>ᶜ</sup>Arabiyyah.
- al-Ḥakīm, Fā'iz. t. th. *Mawsū'at al-Thaqāfiyyah*. Miṣr: Dār al-Sha'ḃ.
- Al-Ḥasan bin al-Ḥāj Muḥammad al-Kawhān al-Fāsī. 1347H. *al-Ṭabaqāt al-Shādhiliyyah: al-Musammāt jāmi' al-Karāmah al-'Aliyyah fī Ṭabaqāt al-Sadāt al-Shādhiliyyah*. Miṣr: al-Maktabah al-Fāsiyyah al-Miṣriyyah.
- Al-Maqrīzī, Taqī al-Dīn. 1938. *al-Sulūk li Ma'rifat Duwal al-Mulūk*. Ditahkik dan disusun oleh Mohd Muṣṭafā Ziyād. al-Qāhirah: Muṣṭafā al-Nashr wa al-Tarjamah.
- Al-Ṣafadī, Khalīl bin Aybak. 1953. *al-Wāfī bi al-Wafiyāt*. Damshiq: al-Maṭḃah al-Hāshimiyyah.
- Ibn <sup>ᶜ</sup>Abbād Muḥammad bin Ibrāhīm al-Nafarī. 1288H. *al-Adhkār al-<sup>ᶜ</sup>aliyyah wa al-Asrār al-Shādhiliyyah*. Iskandariyyah: al-Maṭḃah al-Sa'idiyyah.
- Ibn <sup>ᶜ</sup>Aṭā' al-Lāh al-Sikandarī. 1974. *Laṭā'if al-Minan*. Ditahkik oleh Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. al-Qāhirah: Maṭḃat Ḥassān.

- Ibn Hajar al-Haythamī 1307H. *al-Sharḥ<sup>°</sup>alā Matn al-Hamaziyyh*. Miṣr: al-Maṭba<sup>°</sup>ah al-Khayriyyah.
- Ibn Hajar al-<sup>°</sup>Asqalānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin <sup>°</sup>Alī. 1350H. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Iyās, Muḥammad bin Aḥmad. 1311H. *Tārīkh Miṣr* cet I. Miṣr: al-Maṭba<sup>°</sup>ah al-Amīriyyah.
- Ibn Kathīr. 1987. *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. jil. 13. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>°</sup>Ilmiyyah.
- Ibn Shākir al-Katbī. 1950. *Fawāt al-Wafīyyāt*. Ditahkik oleh Moḥd Muḥyi al-Dīn <sup>°</sup>Abd. al-Hamīd. al-Qāhirah: al-Naḥḍah al-Miṣriyyah.
- Ibn Taghrī, Jamāl al-Dīn bin Yūsuf. 1936 *al-Nujūm al-Zāhirah*. al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Maḥmūd Rizq Sālim. 1965. *°Aṣr Salātīn al-Mamālīk*. Kaherah: Maṭba<sup>°</sup>at al-Adab.
- Muḥammad Zaghlūl Sālim. 1971. *Al-Adab fī al-°Aṣr al-Mamlūkī*. al-Qāhirah: Dār al-Ma<sup>°</sup>ārif.
- Mukhīmar Ṣāliḥ. 1986. *al-Madā'ih al-Nabawyyah bayn al-Ṣarṣarī wa al-Būsīrī*. Beirut: Dār wa maktabat al-Hilāl.
- Shawqī Ḍayf. 1990. *Tārīkh al-Adab al-°Arabī. °Aṣr al-Duwal wa al-Imārāt Miṣr*. al-Qāhirah: Dār al-Ma<sup>°</sup>ārif.
- Sayyid Aḥmad Ḥusayn al-Dasāwī. 1965. *Al-Imām Abū Abbās al-Mursī*. al-Qāhirah: Dār al-Ma<sup>°</sup>ārif.
- Yāqūt al-Ḥamawī, Shihāb al-Dīn. 1990. *Mu<sup>°</sup>jam al-Buldān*. Jil. I. al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-<sup>°</sup>Ilmiyyah.
- Zaki Mubārak. 1967. *al-Madā'ih al-Nabawīyyah fī al-Adab al-°Arabī*. al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-°Arabī li al-Ṭibā<sup>°</sup>ah wa Nashr.

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
syukri@pkrisc.cc.ukm.my

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
salni@pkrisc.cc.ukm.my